



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 18 RABU 4 MEI, 1966 1386 رابو 14 محرام PERCHUMA

### D.Y.M.M. RAJA ISTERI BERCHEMAR DULI KA-PERJUMPAAN PANDU2 PUTERI



*Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelihatan dalam gambar ini semasa Baginda berchemar Duli ka-Temasha Perjumpaan Pandu2 Puteri dari seluruh negara di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang hari Sabtu 30 April, 1966.*

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berchemar Duli ka-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 30 April, 1966 untuk menyaksikan temasha Perjumpaan Pandu2 Puteri dari seluruh Negeri Brunei.

Beratus2 orang Pandu2 Puteri dan Browni dari berbagai2 bangsa telah mengambil bahagian di-temasha tersebut. Ini-  
(Lihat Muka 8)

### Persidangan Majlis2 Mashuarat Daerah

**BANDAR BRUNEI** — Tarikh Persidangan Majlis2 Mashuarat Daerah di-seluruh Negeri Brunei dalam bulan Mei 1966 ada-lah saperti berikut:—

Hari Khamis 5 Mei, 1966: Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait.

Hari Sabtu 7 Mei, 1966: (a) Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara; (b) Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong dan (c) Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah (kiri) dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (kanan) telah berlatah di-Yayasan Tentera Diraja Sandhurst, England mulai awal bulan Januari tahun ini. Latehan itu akan mengambil masa selama dua tahun. Dalam gambar ini kelihatan kedua2 orang Putera2 Diraja itu di-kawasan Yayasan Tentera Diraja Sandhurst — Sila lihat Muka 8.

# Peranan Kaum Ibu Amat-lah Besar Kesan-nya Kapada

## Masyarakat — Kata Y.A.M. Pengiran Anak Siti Rafeah

BANDAR BRUNEI. — Peranan kaum ibu amat-lah besar kesan-nya kapada masyarakat, mahu pun kapada negara. Demikian kata Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah binte Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim, Timbalan Penaung Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei, ia-itu isteri Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah telah melafadzkan ucapan tersebut sa-bagai mengambil sempena Peraduan Kesihatan Kanak2 kali yang kedua yang telah di-adakan di-bawah anjoran Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 29 April, 1966.

Ucapan tersebut ada-lah terkandung dalam Majallah Peraduan Kesihatan Kanak2 yang di-terbitkan oleh Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah telah hadir di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada petang hari tersebut dan juga menyampaikan hadiah2 kapada kanak2 yang berjaya dalam Peraduan Kesihatan Kanak2 itu.

### PEMUDA PEMUDI TIANG NEGARA

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah menegaskan

bahawa banyak di-antara per-ara2 yang tidak dapat di-laksanakan atau di-usahakan dengan lancar ka-arah rancangan kemajuan masyarakat tanpa mendapat kerjasama yang bersungguh2 daripada kaum ibu, di-antara-nya kesihatan kanak2, pendidekan rohani kanak2 yang sedang bersekolah, ia-itu bakal menjadi *Pemuda/Pemudi Tiang Negara*.

Selanjut-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah berkata, "Sa-orang ibu ia-lah orang yang pertama mengambil peranan penting dan bertanggung jawab atas kesihatan anak-nya, atas pendidekan rohani dan akhlak anak itu, apabila mereka mulai besar hingga masuk ka-sekolah menurut asas kehidupan sa-suatu bangsa, bahkan kesihatan kanak2 sejak kecil ada-lah faktor yang menentukan ke-cherghasan dan kekuatan bangsa itu atau kelemahan-nya.

Banyak kanak2 telah mendapat pemeliharaan kesihatan chara2 saintifik yang di-akuai oleh ahli kesihatan, maka ibu-bapa-nya akan sentiasa bergembira dan berbahagia berdam-ping dengan anak-nya yang sentiasa sehat dan segar.

Jika mereka telah muda dan dewasa, maka jadi-lah sa-orang anggota masyarakat yang sehat dan kuat, layak memikul beban2 kehendak masyarakat dan negara. Bahkan bukan sahaja tuboh badan mereka kuat dan sehat, tetapi otak mereka pun chergas dan dapat menerima segala latehan dan ilmu pengetahuan dengan mudah, yang mana amat berguna bagi memajukan taraf pemikiran bangsa di-zaman pembanguan dan kemajuan dunia pada masa ini.

Sesuai-lah sa-bagai kata2 pendita bahawa "*Akal yang bijaksana berada di-dalam tuboh yang sehat sejahtera*".

Seterus-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah berkata bahawa usaha Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei di-lapangan menggalakkan kesihatan kanak2 itu, ada-lah satu jalan atau satu usaha bagi menggerakkan kaum ibu di-Negeri Brunei ini untuk terus bergerak maju dalam berbagai2 bidang perjuangan-nya untuk kepentingan masyarakat terutama masyarakat kaum ibu sendiri di-Tanah Ayer kita ini.

### SERUAN KAPADA KAUM IBU

"Oleh yang demikian saya berseru supaya seluruh kaum perempuan itu turut serta memasokki peraduan kesihatan kanak2 pada bila2 masa di-adakan. Dengan demikian, kita dapat menginsafi bahawa dengan memberikan perhatian penoh dan mengamalkan fatwa2 kesihatan kapada kanak2, bererti dengan sendiri-nya kaum perempuan itu akan terus menerus menjaga keselamatan dan kesihatan kanak2 dari satu masa ka-satu masa.

Dan dengan demikian, bererti kaum perempuan kita sedang menolong melahirkan e-keluarga kita sendiri yang mengandongi anak2 yang sihat dan kuat.

### SERUAN KAPADA KAUM BAPA

Saya juga berseru kapada sekalian kaum bapa supaya menolong isteri dengan memberi faham dan menjelaskan kapada kaum ibu itu, memberi sumbangan kapada kemajuan negara kita dengan jalan menyokong Peraduan Kesihatan Kanak2 dengan mengamalkan fatua2 kesihatan kanak2 supaya keturunan kita di-masa akan datang merupakan satu *Golongan Bangsa Yang Sehat, Kuat dan Bijaksana*", kata lagi Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah.

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah telah mengucapkan berbilang2 terima kasih kapada Jawatan Kuasa dan Ahli2 Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei kerana memberi peluang kapada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah untuk memberikan Kata-kata Aluan dalam majallah tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah berdo'a samoga Peraduan Kesihatan Kanak2 itu berolehi kejayaan yang semakin bertambah2 dari sa-tahun ka-sa-tahun dengan mendapat sokongan dari kaum perempuan ra'ayat Brunei dan benar2 dapat menghasilkan faedah2 besar kapada bangsa kita dan Negeri Brunei Darus Salam.

## PERADUAN MENGARANG CHERPEN ANJORAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 Cherita Pendek di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Mengarang Cherpen anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Ini-lah kali yang kedua Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menganjorkan Peraduan Mengarang Cherpen itu.

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah menganjorkan Peraduan Mengarang Cherpen itu untuk Bachaan Kanak2 tidak berapa lama dahulu.

Peraduan tersebut telah pun di-sempurnakan dan hadiah2 untuk pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 8 April, 1966.

Peraduan Mengarang Cherpen anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada kali yang

kedua ini, ada-lah di-kehendaki sesuai untuk bacaan gulungan masyarakat yang berumur antara 10 tahun hingga 15 tahun.

### PERATORAN2

Penulis2 yang mengambil bahagian dalam Peraduan Mengarang Cherpen ini hendaklah patoh kapada peratoran2 dan syarat2 yang berikut: —

#### PANJANG-NYA

1. Panjang-nya antara 1,000 hingga 1,500 perkataan.

#### BAHASA-NYA

2. Bahasa-nya hendaklah senang di-faham.

#### CHERITA-NYA

3. Cherita-nya hendaklah berlatarkan kehidupan Ma-

sharakat Brunei hari ini atau kejadian2 sejarah Brunei yang dapat menggambarkan:

- (i) *Semangat* membentok peribadi yang baik.
- (ii) *Semangat* ingin menchapai ilmu pengetahuan yang tinggi.
- (iii) *Semangat* chintakan Tanah Ayer dan Bangsa.

Peraduan ini hanya terbuka kapada Warga-Negara Brunei.

Penulis2 yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan ini boleh mengirinkan lebeh dari satu cherpen.

#### KARANGAN ASLI

Karangan hendaklah asli (original) bukan terjemahan atau penyusun (adaptation) dari karangan orang lain, dan belum pernah di-siarkan di-mana2 pun.

Cherpen/cherpen2 hendaklah di-tulis di-atas kertas biasa (kertas kajang) pada sa-belah muka sahaja. Jika menggunakan mesin tulis (taip) hendaklah di-taip dalam jarak dua barisan (doub'e spacing) pada sa-belah muka sahaja.

Cherpen/cherpen2 hendaklah di-buat dalam tiga salinan tiap2 satu.

#### BORANG MASOK

Cherpen/cherpen2 untuk peraduan hendaklah di-hantar bersama *Borang Masok Peraduan Cherpen* dan di-alamatkan kapada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Nama penulis dan/atau nama samaran-nya (kalau ada) tidak boleh di-tulis pada naskah cherita.

Peraduan ini akan di-tutup pada 17 Julai, 1966.

(Lihat Muka 3)

# P.D. BRUNEI DAN MUARA AWANG ALI BIN AWANG BESAR Menyeru Ibu Bapa Supaya Memimpin Anak2 Mereka Ka-Jalan Yang Berguna Untok Masa Depan

**BERAKAS.** — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Kerja Tangan, Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua di-Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas pada pagi hari Ahad 1 Mei, 1966.

Sa-belum merasmikan pembukaan pameran tersebut, Awang Ali bin Awang Besar telah melafazkan satu ucapan yang berharga, ia-itu mengandongi nasehat kepada murid2 sekolah, Guru2, ibu bapa dan penjaga murid2 di-negeri ini.

Dalam ucapan tersebut, Awang Ali berkata beliau percaya bahawa para hadhirin dan murid2 sekalian telah mengetahui betapa ilmu pengetahuan ini besar erti-nya kepada tiap2 sa-orang yang hidup dalam dunia yang serba baru dan moden ini.

"Kerajaan telah pun mengambil tindakan dengan segala daya upaya-nya untuk mengadakan sa-chukup2-nya sekolah2 bukan sahaja di-bandar2 atau pun di-daerah2, bahkan juga di-kampong2 pendalaman. Galakan Kerajaan ini adalah semata2 membanyakkan tempat2 bagi menyampaikan ilmu pengetahuan kepada semua lapisan ra'ayat, baik lelaki mahu pun perempuan. Dengan hal yang demikian, pada masa akan datang, tidak lagi ada ra'ayat yang tidak tahu menulis dan membaca", kata Awang Ali.

Beliau berharap Guru2 akan memberikan kerjasama sa-penoh-nya kepada Kerajaan dengan mengambil perhatian2 yang berat terhadap pelajaran murid2 yang di-ajar mereka dalam kedua2 tingkatan permulaan dan menengah, Guru2 yang mengajar Kelas2 Rendah terutama sekali, mahu-lah menyampaikan ilmu itu dengan bersungguh2, sebab murid2 yang belajar dalam Kelas Ren-

dah ini ada-lah memerlukan pimpinan yang sempurna.

**SELAGI DAHAN  
MASEH MUDA.....**

Kemudian beliau berkata, "Izinkan-lah saya membandingkan perkara ini, ia-itu sa-bagai kita malantor dahan2 kayu. Selagi dahan2 ini maseh muda, mudah saja di-bagai2kan mengikut kehendak kita. Akan tetapi, manakala dahan2 ini sudah tua, tidak-lah sa-mudah-nya dahan2 itu di-bagai2kan atau pun di-betulkan lagi.

Jadi, dengan sebab itu-lah saya nasehatkan kepada Guru2 yang mengajar murid2 itu di-perengkat ini, supaya lebeh berhati2 agar tunjok ajar mereka itu dapat di-terima dengan berkesan oleh murid2-nya.

**TULANG BELAKANG  
NEGARA**

Untok ma'luman tuan2, anak2 kita di-Negeri Brunei ini, lelaki dan perempuan, ada-lah sa-bagai benih yang akan menjadi harapan sa-bagai tulang belakang negara dan Kerajaan.

Saya mithalkan sa-bagai benih pokok2 getah atau buah2-an Pakar2 sains sekarang sedang berlumba2 untok mencari benih2 yang baik supaya mendapatkan hasil2 yang berganda. Akan tetapi, masa'alah pokok senang-lah kita membaiki-nya, dengan nasehat pakar2 ini, akan tetapi, kanak2 tidak-lah boleh di-buat sa-demikian, melainkan kanak2 itu sendiri bersungguh2 dengan pimpinan para cherdek pandai, membentok diri mereka semasa dalam usia persekolahan mereka.

**DENGAN RAJIN-NYA  
KANAK2 BELAJAR  
MAKA.....**

Saya yakin, dengan rajin-nya kanak2 ini belajar sa-bagai-

mana yang di-pimpin oleh Guru2 mereka, maka masa depan-nya akan bersinar.

Seterus-nya Awang Ali menegaskan bahawa Pegawai2 dalam lapisan teknik saperti Jurutera, Doktor dan juga Guru2 Terlateh, ada-lah maseh kekurangan dalam negeri ini.

"Sa-kira-nya kita tidak menyedari akan kekurangan ini pada perengkat ini, betapa kita akan dapat mengatasi kesulit-

an2 kekurangan itu pada masa yang akan datang", kata beliau.

Oleh yang demikian, beliau telah menyeru kepada ibu bapa dan penjaga kanak2 sekolah supaya berhati2 memimpin anak2 mereka di-luar sekolah, kerana mereka tidak kurang penting-nya dalam so'al ini dan pimpin-lah anak2 mereka kepada jalan yang berguna untok masa depan yang lebeh baik sa-bagaimana yang di-harap2-kan itu.

## PERADUAN KESEHATAN KANAK2:

**Johan Bahagian Pertama: Iskandar Bin Yahya  
Johan Bahagian Kedua: Siti Maria Bt. Dato Isa  
dan Saudara Kembar-nya Siti Rafeah**

**BANDAR BRUNEI.** — Lebeh daripada 100 orang kanak2 dari berbagai2 bangsa telah mengambil bahagian dalam Peraduan Kesehatan Kanak2, di-bawah anjoran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei, bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 29 April, 1966.

Hadiah2 kepada kanak2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah, Timbalan Penaung, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei.

Keputusan peraduan kesehatan kanak2 tersebut ada-lah saperti berikut:—

**BAHAGIAN PERTAMA:** Terbuka kepada kanak2 yang berumur di-antara 6 bulan hingga ka-11 bulan. *Pertama* — Iskandar bin Yahya, berumur 8 bulan. *Kedua* — Mona Lisa binte Nordin. *Ketiga* — Tan Wee Peng.

**BAHAGIAN KEDUA:** Terbuka kepada kanak2 yang berumur dari 12 bulan hingga 18 bulan. *Pertama* — Siti Maria binte Dato Isa dan saudara kembar-nya Siti Rafeah binte Dato Isa. *Kedua* — Chu Wai Keong. *Ketiga* — Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Sa-belum Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah di-junjung untok menyampaikan hadiah2, ucapan2 telah dilafazkan oleh Yang Dipertua, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman, selaku Pengerusi Peraduan Kesehatan Kanak2 itu dan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Awang

Mohamed Salleh bin Haji Masri.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah mengurniakan hadiah Piala Perak yang berharga untok pemenang pertama peringkat kedua.

Beberapa banyak piala2 perak telah di-hadiahkan oleh beberapa orang untok pemenang2 peraduan tersebut. Di-antara-nya ia-lah Datin Hajjah Salmah, isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan, Brunei; Yang Mulia Pengiran Aminah, isteri Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Penulong Menteri Pertanian; Yang Mulia Pengiran Siti Hadijah, isteri Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang, Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos; Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin, Penulong Menteri Kesehatan; Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking, Penulong Menteri Pelajaran dan lain2-nya.

Selain dari mendapat hadiah piala2 perak, kanak2 yang berjaya dalam peraduan tersebut telah juga di-hadiahkan berbagai2 jenis tepung susu dan lain2-nya oleh Sharikat2 Perdagangan di-Bandar Brunei.

## Peraduan Mengarang Cherpen

(Dari Muka 2)

### PENGADILAN

- (i) Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka akan melantik satu Jema'ah Pengadil.
- (ii) Keputusan Jema'ah Pengadil ada-lah mu'tamad.

### HADIAH2

Hadiah2 akan di-berikan kepada tiga cherpen yang terbaik dan empat cherpen penghargaan.

### HAK CHIPTA

- (i) Hak chipta penulis2 cherpen yang mendapat hadiah

dalam peraduan ini akan terserah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

- (ii) Naskah cherpen2 yang tidak berjaya akan di-pulangkan kepada penulis-nya dan dengan demikian hak chipta-nya terpulung kepada penulis itu.

### PERINGATAN.

Jema'ah Pengadil dan kakitangan2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik sa-chara langsung atau pun tidak langsung.

**GUNAKAN-LAH  
BAHASA MELAYU**

# KESEHATAN PERLU DI-JAGA

## BADAN SEHAT, KERJA KUAT, PENDAPATAN CHUKOP

KATA2 hikmat yang menyebut bahawa "Ra'ayat sehat negara kuat" ada-lah menambah keyakinan kita yang kesehatan ra'ayat dalam sa-sabua negara itu ada-lah perlu di-pelihara dan ini pula menjadi tugas yang penting bagi pemerintah.

Kerajaan Brunei sejak beberapa lama dulu lagi telah menyedari akan hakikat ini dan tindakan2 yang wajar sa-tapak demi sa-tapak telah di-jalankan dengan sempurna.

Sekarang, apa yang kita nampak ia-lah kejayaan Jabatan Perubatan dan Kesehatan Negara dalam mengawal sa-barang penyakit yang chuba membuat sarang-nya di-negeri ini, terutama jenis2 penyakit yang berjangkit seperti "Kolera" atau jenis penyakit yang menular.

Langkah2 Jabatan Perubatan dan Kesehatan dalam mengawal ra'ayat dari di-serang oleh sa-barang penyakit sudah banyak benar kita ikuti dan jarang2 pula kita dengar yang langkah2 itu menghadapi jalan buntu — semua-nya berjaya.

Maka sudah memang pada tempat-nya yang jabatan itu merupakan satu2-nya jabatan Kerajaan yang mempunyai peruntukan perbelanjaan tahunan yang begitu besar jumlah-nya.

Tentang hal ini, pada keluaran *Pelita Brunei* kali ini, tidak mementingkan sa-barang komen dari pehak Jabatan Perubatan dan Kesehatan, tetapi

apa yang kita pentingkan ia-lah sa-jauh mana langkah itu dapat di-nikmati oleh ra'ayat.

Atas hajat itu, kita telah ber-kunjong ka-kampung Penapar ia-itu sa-buah kampung yang letak-nya di-Ulu Tutong dan kita telah sempat bertemuramah dengan sa-bilangan penduduk2 di-sana.

### PERUSAHAAN MEMBUAT "AMBULONG"

Yang menarek perhatian kita ia-lah keluarga Awang Sahat bin Abdul Rashid ia-itu satu dari tiga keluarga di-Kampung Penapar yang memusatkan mata pencharian mereka kepada perusahaan membuat sagu atau yang lebeh di-kenal ia-lah perusahaan membuat "ambulong".



GAMBAR2 ATAS DAN BAWAH: Dalam gambar2 ini kelihatan Awang Sahat sibok menjalankan perusahaan-nya.



Menurut Awang Sahat: "Sungguhpun rumah saya ini letak-nya terpenchil, tapi ada juga pegawai2 perubatan datang ka-sini untuk memeriksa dan mengawal kesehatan kami anak beranak".

Kata-nya, dalam sa-bulan kadang2 ada dua kali pegawai2 itu mengadakan lawatan ka-Kampung tersebut dan rumah-nya tidak ketinggalan juga dari di-kunjongi.

"Kami akan di-suntik dan di-beri ubat2, kalau kami didapati berpenyakit atau demam", kata Awang Sahat.

### ADAT BERJIRAN

Menjawab satu pertanyaan, beliau menyatakan adat berjiran sa-Kampung kalau sa-suatu keluarga itu di-timpa kesusahan, maka kami segera

bertolong2an tidak kira tengah malam, lebeh2 lagi tentang orang sakit atau isteri2 mahu beranak (bersalin).

Menyebut tentang kesusahan2 yang di-tempohi-nya beliau menyatakan:


"Hanya yang susah-nya ia-lah tentang ayer. Kalau musim hujan kami akan menyambut ayer hujan dan kalau tidak terpaksa-lah minum ayer perigi atau kalau terjadi kemarau panjang, terpaksa-lah kami minum ayer sungai".

Awang Sahat menyatakan pula, "perkara itu sudah menjadi perkara biasa, ma'alom saja rumah di-hutan dan jauh pula letak-nya".

### TERIMA KASEH KAPADA KERAJAAN

"Walau macham manapun", tegas-nya lagi, "kami berterima kaseh kepada Kerajaan atas kawalan kesehatan kami dan kami tidak-lah lagi menghadapi kesulitan2 seperti dulu2".

Awang Sahat yang berumur



Awang Sahat bin Abdul Rashid

45 tahun, mempunyai 4 orang anak dan sa-orang isteri, telah juga mencheritakan tentang kerja2 yang di-buat-nya sa-hari2 sa-bagai mata pencharian ia-itu membuat sagu atau "ambulong".

Menyebut tentang "ambulong" ini, maka tidak-lah berlebihan bahkan ada-lah kenyataan, kalau kita katakan bahawa "ambulong" ini ia-lah sa-jenis makanan yang di-sukai ramai di-Borneo, terutama sa-bilangan besar penduduk negeri kita ini.

Ada sa-tengah2 orang pula jika jenis makanan ini tidak di-dapatinya di-sebabkan kehabisan di-jual, maka mereka akan mengeloh panjang dan pada orang yang mempunyai kemudahan seperti kereta dan moto sangkut, lantas mereka akan berkejar mencari jenis makanan idaman ramai ini.

Kita maseh ingat ketika Negeri Brunei turut menghadapi nasib malang sa-waktu berlaku-nya peperangan dunia yang kedua dan beberapa ketika Jepun berjaya bertapak di-negeri ini.

Sewaktu ini-lah "ambulong" tampil kemuka dan mengambil peranan penting dalam mengambil alih tugas "nasi" yang waktu itu telah chuba2 menghilangkan diri untuk mengalag perut manusia yang di-serang oleh keadaan yang kelam-kabut.

Ambulong tampil untuk menabot jasa-nya bagi menyambung nyawa manusia dari mati kebuloran dan jasa2-nya itu tetap di-kenang dan ia maseh di-perlukan oleh sa-bilangan besar manusia Borneo pada waktu ini.

Sa-tengah orang mengatakan bahawa ambulong ini ada-lah satu2-nya jenis makanan yang sukar di-tandingi akan kelazatan-nya, terutama sekali bila ia di-adun dengan "chachah" yang chuchok dan bahan2 ikan kering seperti di-sebut orang "lumai2an" dan di-tambah pula dengan "ulam2an".

Tetapi amat sedikit dari orang yang menggemari makanan ini mengetahui bagaimana ia di-buat dan di-olah sa-hingga begitu rupa dan kenapakah ia di-sifatkan sa-lazat itu.

### MAKA BERCHERITA-LAH AWANG SAHAT...

Maka bercherita-lah Awang Sahat dengan ringkas sambil tersenyum2:

(Lihat Muka 5)

# PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAN SHARAHAN SEKOLAH2 UGAMA KAWASAN BRUNEI SATU

BANDAR BRUNEI — Pemereksa Sekolah2 UGAMA, Daerah Brunei dan Muara, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah telah merasmikan pembukaan Majlis Peraduan Bachaah Al-Koran dan Sharahan murid2 Sekolah2 UGAMA, Lelaki dan Perempuan, Kawasan Brunei I di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 29 April, 1966.

Dewan Madrasah itu telah penuh sesak di-hadiri oleh murid2 dari Sekolah2 UGAMA di-Kawasan Brunei 1 dan lain2-nya; Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal UGAMA Negeri Brunei serta para jemputan.

Majlis tersebut di-mulai dengan Bachaah Al-Koran oleh Guru Koran Daerah Brunei, Ustadz Saleh bin Abdul Karim dan di-turuti dengan Nashid "Selamat Datang" oleh murid2 dari Sekolah2 UGAMA tempatan di-bawah pimpinan Guru Pengawas Nashid, Ustadz Abdul Kadir bin Awang.

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah; Pengerusi majlis itu, Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit; Setia Usaha-nya, Awg. Metussin bin Timbang dan oleh Pengerusi Hakim, Ustadz

Abdul Jalil bin Haji Noor.

Penyusun dan Pengelola Sekolah2 UGAMA Negeri Brunei, Awang Haji Abdul Kadir dan isteri beliau telah menyampaikan hadiah2.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaah Do'a Selamat oleh Pehin Khatib Haji Abdul Hamid.

## KEPUTUSAN

Keputusan peraduan2 tersebut ada-lah seperti berikut:—

**PERADUAN BACHAAN KORAN:** Murid2 Lelaki — *Pertama* — A. Meraji bin Haji Bakar dari Sekolah UGAMA Lela Menchanai. *Kedua* — Awangku Abdul Aziz bin Pengiran Sabtu. *Ketiga* — A Nispu bin Tahir — *Kedua2-nya* dari Sekolah UGAMA Lelaki Bandar Brunei. Murid2 Perempuan — *Pertama* — Dayang Zainab binte Abd. Manaf. *Kedua* — Dayangku Rosni binte Pengiran Damit — *Kedua2-nya* dari Sekolah UGAMA Perempuan, Bandar Brunei. *Ketiga* — Dayang Masnon binte Haji Ibrahim dari Sekolah UGAMA Lela Menchanai, Brunei.

**PERADUAN SHARAHAN:** Murid2 Lelaki — *Johan* — Awang Mahmud bin Haji Fauji dan *Naib Johan* — Awang Rosli bin Abdul Latiff — *kedua2-nya* dari Sekolah UGAMA Lelaki, Bandar Brunei. Murid2 Perempuan — *Johan* — Dayangku Sa'adiyah binte Pengiran Omar dan *Naib Johan* — Malai Nafi'ah binte Sheikh Mohamed — *kedua2-nya* dari Sekolah2 UGAMA Perempuan, Bandar Brunei.

## Perusahaan Membuat Ambulong Di-Ulu Tutong

(Dari Muka 4)

"Makanan ini di-perbuat dari pokok rumbia ia-itu sa-jenis pokok sa-akan2 menyerupai pokok kelapa, chuma pokok rumbia ini tidak berbuah seperti kelapa".

Kerja yang mula2 di-buat, pokok itu di-tebang dan batang pokok2 rumbia itu di-hilirkan melalui sungai (kalau pokok itu berdekatan dengan sungai) atau di-hirit dengan menggunakan kerbau (kalau ia terletak di-hutan) dan ada kala-nya di-usahakan dengan tenaga empat kerat manusia untuk menyampaikan batang2 rumbia itu ka-tempat mengusahakan-nya.

Sa-telah beberapa waktu lamanya, kulit batang rumbia itu di-kopak dan sa-sudah itu di-tempatkan ka-tempat "penggarutan" ia-itu sa-jenis alat untuk memarut.

Sa-sudah di-garut sa-hingga merupakan parut kelapa, maka parutnya itu di-kumpul pada satu tempat "penjijakan" ia-itu satu jenis alat penapis sa-hingga ia menyerupai tepong yang sudah beku ketika di-banchoh dengan ayer.

Ketika di-tapis itu, pati-nya akan mengalir ka-satu tempat pembeku dan di-sana jadi-lah dari pokok rumbia kepada "ambulong" yang keadaannya puteh berseih.

### "AMBULONG" BERTUKAR MENJADI "AMBUYAT"

Ketika ia mentah maseh lagi di-panggil "ambulong", tetapi ia akan bertukar nama sa-sudah di-masak ia-itu di-panggil orang "ambuyat" sa-bagai sa-jenis makanan yang lazat.

Menurut Awang Sahat, kerja membuat ambulong ini telah di-

lakukan-nya sejak kecil lagi, tetapi waktu peringkat umur "maseh muda" beliau berhijrah ka-Seria dan bekerja di-sana dengan Sharikat Minyak Shell dan sa-telah lima tahun jarak-nya, Awang Sahat pulang ka-kampung dan mengusahakan balek kerja2 itu.

Menyebut tentang pendapatan pula, beliau menyatakan bahawa dalam sa-hari kalau badan sehat, beliau boleh membuat sa-hingga 3 tampin dan tiap2 satu tampin akan di-jual-nya dengan harga \$2.00.

Menurut-nya lagi, kerja seperti ini jarang2 terganggu oleh keadaan cuaca, tetapi yang penting sa-kali di-jaga ia-lah kesehatan. Kalau badan sehat, kerja pun kuat dan pendapatan chukup.

## Majlis Penyampaian Sijil S.M. Pengkalan Batu

PENKALAN BATU — Satu Majlis Penyampaian Sijil kepada murid2 Sekolah Melayu Pengkalan Batu yang tamat belajar Darjah Enam pada tahun 1964 akan di-adakan di-sekolah itu pada jam 9 pagi hari Juma'at 6 Mei, 1966.

Nadzir Sekolah2 Negara, Awang Suni bin Idris akan menyampaikan Sijil2 Tamat Belajar kepada murid2 tersebut.



Seramai 187 orang jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suci dengan menaiki kapal laut pada tahun ini telah selamat balek ka-Brunei pada malam hari Juma'at 29 April, 1966. Gambar ini di-ambil di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada masa ketibaan sa-bilangan daripada jema'ah2 Haji itu dalam sa-buah kapal Kerajaan Brunei dari Labuan pada malam tersebut.

## Lawatan Badan Penerangan UGAMA Islam Ka-Ulu Belait

BUKIT SAWAT. — Rombongan Badan Penerangan UGAMA Islam Negeri Brunei akan melawat ka-Kampung Bukit Sawat pada hari Juma'at 6 Mei, 1966 dan akan mengadakan satu Majlis Sharahan dan Pertunjukan Wayang Gambar di-Balai Raya Bukit Sawat mulai jam 7-30 malam hari tersebut.

Pada hari Sabtu 7 Mei, Rombongan Badan Penerangan UGAMA Islam itu akan melawat ka-Kampung Labi dan akan mengadakan Majlis Sharahan UGAMA serta Pertunjukan Wayang Gambar di-Balai Raya Kampung Labi mulai jam 7-30 malam hari itu juga.

Pada ka-esokan hari pula, ia-itu hari Ahad 8 Mei, 1966 Rombongan Badan Penerangan UGAMA Islam

akan melawat ka-Kuala Balai dimana rombongan itu akan mengadakan satu Majlis Sharahan UGAMA dan Pertunjukan Wayang Gambar di-Balai Raya Kampung Kuala Balai mulai jam 7-30 malam hari tersebut.

### LAWATAN KA-SENUKOH

Sementara itu ada-lah di-fahaman bahawa satu lagi Rombongan Badan Penerangan UGAMA Islam akan melawat ka-Kampung Senukoh di-Daerah Temburong pada hari Sabtu 7 Mei dan akan mengadakan Majlis Sharahan UGAMA dan Pertunjukan Wayang Gambar di-Sekolah Melayu Kampung Senukoh pada malam hari tersebut.

## Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan Sekolah2 Melayu Brunei III

PENKALAN BATU — Penulong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak akan merasmikan pembukaan Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III di-Sekolah Melayu Pengkalan Batu pada jam 11 pagi hari Juma'at 6 Mei, 1966.

Murid2 dari 14 buah Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei III akan mengambil bahagian di-temasha itu.

Pameran tersebut akan di-buka kepada orang ramai mulai jam 11-45 pagi hingga ka-jam 4 petang.

Kemudian akan di-adakan majlis menyampaikan hadiah kepada pemenang2 peraduan lukisan dan pekerjaan tangan itu.

Sa-lepas itu akan di-adakan satu Pertunjukan Pentas sa-bagai mengambil sempena Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan, Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Mei hingga ka-hari Selasa 10 Mei, 1966, ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	4	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18
	5	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18
	6	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
	7	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
	8	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
	9	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
	10	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-PEJABAT HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Hal Ehwat Ugama, Brunei:—

### 1. PENGETUA SEKOLAH UGAMA PEREMPUAN.

*Kelayakan2 dan Pengalaman* —

- Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun.
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidikan tidak kurang dari 5 tahun;
- Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

*Gaji:* — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

### 2. PENGETUA MAKTAB PERGURUAN.

*Kelayakan2 dan Pengalaman:*

- Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidikan tidak kurang dari 5 tahun;
- Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

*Gaji:* — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kebolehan dan pengalaman.

### 3. GURU SEKOLAH ARAB (PEREMPUAN).

*Kelayakan2 dan Pengalaman*—

- Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;
- Memegang Ijazah dari

mana2 University Islam yang di-akui atau pun memegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;

- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam dunia pendidikan dan mempunyai Diploma Pendidikan.

*Gaji:* — Dalam sukatan gaji \$660x30 - 900 atau \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

*Sharat2 Lantekan:* — Bagi jawatan2 Pengetua Sekolah Ugama Perempuan dan Pengetua Maktab Perguruan, calon2 yang di-pilih akan di-ambil berkhidmat sechารา berkotrek selama tiga tahun.

Bagi jawatan Guru Sekolah Arab (Perempuan) Calon2 yang di-pilih akan di-ambil berkhidmat sechารา berkotrek selama tiga tahun termasuk masa enam bulan yang pertama sebagai dalam perchubnaan.

*Baksis:* — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang dan lain2-nya, boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 Mei, 1966.

## Penulong Pengawal Setor2

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Penulong Pengawal Setor2 di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

*Kelayakan2 dan Pengalaman*— Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 25 tahun dan mempunyai kelayakan Senior Cambridge atau kelayakan yang lebih tinggi dan berpengalaman dalam kerja setor.

*Gaji:* — Dalam sukatan B2 \$1020x40 - 1620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

*Tempoh Perkhidmatan:* — Sechารา berkotrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak ber-setuju.

*Baksis:* — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

*Chukai Pendapatan:* — Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 19 Mei, 1966.

## Di-Jabatan Siaran Radio Dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa dari mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei:—

### (1) OPERATOR TALIPON (Perempuan — satu jawatan).

*Kelayakan2:* — Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun serta berkelulusan Darjah V Melayu atau Form I Inggeris atau kelayakan sebanding dengan-nya.

*Gaji:* — Dalam sukatan gaji E1 - 2 EB3 \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330.

### (2) PEMANDU KERETA/JURUTAYANG (satu jawatan)

*Kelayakan2:* — Pemohon2 mesti-lah tammat sekurang2-nya Darjah V Melayu, mempunyai lesen memandu kereta dan tahu menggunakan alat2 seperti jentera wayang

gambar, pembesar suara dan generator. Satu ujian akan di-adakan bagi menentukan kecekapan pemohon2.

*Gaji:* — Dalam sukatan gaji D1 EB2 \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

### (3) JURUTAYANG (tiga jawatan).

*Kelayakan2:* Pemohon2 mesti-lah telah tammat sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan tahu menggunakan alat2 seperti jentera wayang gambar, pembesar suara dan generator. Satu ujian akan di-adakan bagi menentukan kecekapan pemohon2.

*Gaji:* — Dalam sukatan gaji D1 EB2 \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 7 Mei, 1966.

## Pengelola Ranchangan Inggeris Di-Radio Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

*Kelayakan2 Persekolahan:* Sijil Persekolahan Seberang Laut atau pun kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris.

*Kelayakan2 Professional:* Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam bidang siaran radio dalam mengadakan dan menyiarkan ranchana2 dalam bahasa Inggeris selama sekurang2-nya tiga tahun.

Chalon2 yang mempunyai kelayakan2 persekolahan yang sesuai serta berpengalaman sebagai ahli musik, pelakon atau penulis, sebagai ganti kepada kelayakan2 yang tersebut di-atas, akan juga di-pertimbangkan. Chalon2 akan di-uji untuk menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

*Gaji:* Dalam sukatan mata wang Malaysia \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang berjaya akan di-lantek sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris dan akan bertanggung jawab kepada Ketua Pengelola Ranchangan bagi mengeluarkan ranchangan2 untuk bahagian Inggeris.

*Sharat2 Lantekan:*

Sechารา berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perchubnaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kotrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

### Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Mei, 1966.

## Pekerja Kebajikan

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi tiga jawatan2 kosong sebagai Pekerja Kebajikan di-Pejabat Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei.

*Gaji:* Dalam sukatan gaji D1 - 2 - 3 EB.4 \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620.

*Kelayakan2:* Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 35 tahun dan lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau tamat Darjah VII Sekolah Melayu.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Mei, 1966.

## SOKAN DAN OLAH-RAGA Oleh Awang Md. Hussain Zainal

PERLAWANAN Sokan Sekolah2 Melayu Rendah Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei, Peringkat Negeri akan di-langsungkan pada hari Ahad, 8 Mei, 1966 bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei, mulai jam 1-30 petang.

Perlawanan2 Peringkat Daerah untuk memilih perwakilan daerah masing2 telah di-jalankan sejak minggu kedua bulan April, 1966, dan selesai pada minggu ketiga bulan April, 1966.

Peserta2 yang akan berlawan dalam Peringkat Negeri, ia-lah 245 orang peserta2 lelaki dan 94 orang peserta2 perempuan berjumlah 339 orang peserta.

Peserta2 tersebut ada-lah terdiri daripada perwakilan tujuh Bahagian, ia-itu seperti berikut:

1. Brunei I: 31 orang peserta lelaki dan 16 orang peserta perempuan jumlah 47 orang.
2. Brunei II: 40 orang peserta lelaki dan 13 orang peserta perempuan jumlah 53 orang.
3. Brunei III: 32 orang peserta lelaki dan 13 orang peserta perempuan jumlah 45 orang.
4. Belait: 38 orang peserta lelaki dan 15 orang peserta perempuan jumlah 53 orang.
5. Tutong I: 37 orang peserta lelaki dan 13 orang peserta perempuan jumlah 50 orang.
6. Tutong II: 36 orang peserta lelaki dan 14 orang peserta perempuan jumlah 50 orang.
7. Temburong: 31 orang peserta lelaki dan 10 orang peserta perempuan jumlah 41 orang.

## JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

### Kerani Tingkat Khas di-Pejabat Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Kerani Bahagian "B1" Tingkat Khas di-Pejabat Buroh, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan berpengalaman dalam perkara2 perburuhan. Pengetahuan dan pengalaman dalam kerja2 berkaitan dengan Pertubuhan Buroh Antara Bangsa ada-lah satu keistimewaan.

**Gaji:** Dalam sukatan CI EB2 \$570x30 - 630-EB/660x30 - 900.

**Sharaf2 Lantekan:** Sechara ber-kontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ia-lah dengan persetujuan bersama.

**Baksis:** Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap ber-

### PERTUNJOKKAN JIMNASTIK OLEH M.P.M.B.

Penuntut2 lelaki dan perempuan Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mempersembahkan satu Pertunjukan Jimnastik di-temasha sokan tersebut.

Ini-lah julong2 kali penuntut2 perempuan dari Maktab Perguruan Melayu Brunei mempersembahkan Pertunjukan Jimnastik di-hadapan orang ramai.

### MAJLIS PERBINCANGAN BADAN PERKEMBANGAN BAHASA DAN BUDAYA

**BANDAR BRUNEI** — *Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Negeri Brunei akan mengadakan satu Majlis Perbincangan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Juma'at 6 Mei, 1966 mulai jam 8-30 pagi.*

*Tajuk Perbincangan: "Masa'alah adat dalam penghidupan orang2 Melayu dalam zaman moden ini".*

*Pencheramah-nya: Awangku Sabtu bin Pengiran Mohamed Salleh.*

*Semua ahli2 Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Negeri Brunei dan ahli2 Persekutuan Belia serta Badan2 Persekolahan di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-jemput hadir ka-majlis tersebut.*

khidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 Mei, 1966.

### Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi dua jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Jabatan

## PERLAWANAN BOLA SEPAK ANJORAN MAJLIS PEMUDA PEMUDI NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah mendapat sambutan baik dari kalangan Persatuan2 Belia di-negeri ini.

Perlawanan bola sepak itu ada-lah di-kekolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampung Sumbiling dan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Perlawanan tersebut di-mulai pada petang hari Ithnin 2 Mei, 1966 dan di-jangka tamat pada awal bulan Ogos akan datang.

### JADUAL PERLAWANAN

Jadual perlawanan bola sepak tersebut mulai dari petang esok 5 Mei, hingga ka-petang hari Rabu 18 Mei adalah seperti berikut: —

5 Mei: Sultan Lama "A" melawan Burong Pingai.

6 Mei: Perkasa melawan Sumbiling "A".

7 Mei: Belia Berakas melawan Sungai Kebun.

9 Mei: Sultan Lama "B" melawan Sukarela Tutong.

10 Mei: Belia Sengkurong melawan Kubu.

11 Mei: 3 PKA melawan

Sumbiling "B".

12 Mei: Sungai Kedayan melawan Sultan Lama "A".

13 Mei: Burong Pingai melawan Perkasa.

14 Mei: Sumbiling "A" melawan Belia Berakas.

16 Mei: Sungai Kebun melawan Sultan Lama "B".

17 Mei: Sukarela Tutong melawan Kubu.

18 Mei: Belia Sengkurong melawan Sungai Kedayan.

Sementara itu Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Y.B. Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang telah menghadihkan sa-buah Perisai yang berharga untuk di-jadikan Perisai Rebutan Perlawanan Bola Sepak tersebut.

Sa-buah lagi Perisai Rebutan untuk perlawanan tersebut telah juga di-hadihkan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Perisai itu berharga lima ratus ringgit.

## Ketua Jururawat Kesehatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk jawatan2 Ketua Jururawat Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei (3 jawatan kosong).

Tugas2 jawatan ini termasuk-lah menjaga Perkhidmatan Kesehatan Ibu2 dan Anak2 di-sebarang daerah di-Negeri ini.

**Kelayakan2:**

- (i) Lulus S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.
- (ii) Mesti lulus dan mempunyai Sijil Peperiksaan bagi Pelawat Kesehatan.
- (iii) Kalau boleh hendak-lah

Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

**Kelayakan2:** Chalon2 bagi pelantekan mesti-lah sudah berumur 17 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

**Gaji:** Dalam sukatan D2 EB3 \$270x15 - 360/EB/380x20 - 480.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 21 Mei, 1966.

pandai bertutor dalam bahasa Melayu.

**Gaji:** Dalam sukatan BW1 \$1020x40 - 1220 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman. Gaji pujokkan akan di-bayar sekira-nya berhak menurut Peratoran2.

**Tempoh Perkhidmatan:** Selama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharu dengan persetujuan bersama.

**Baksis:** Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

**Chukai Pendapatan:** Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Jun, 1966.

## PEGAWAI2 BARU PERSATUAN PENGAKAP DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Awang Talib bin Derwish telah dilantik menjadi Yang Dipertua baru Persatuan Pengakap Daerah Brunei dalam Mashuarat Agong Persatuan Pengakap tersebut pada petang hari Khamis 28 April, 1966.

Persidangan itu telah diadakan di-Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Kumbang Pasang, Bandar Brunei pada jam 5 petang hari tersebut.

Awang Norman Bradbury, Pengerusi Persatuan Pengakap Daerah Brunei bagi tahun lalu telah memimpin persidangan tersebut. Di-antara hadirin di-majlis itu ia-lah Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan; Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awg. Shahbudin bin Saleh; Pesuruh Jaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad; Pesuruh Jaya Latehan Pengakap Negeri Brunei Awang Yahya Yusof dan lain2-nya.

Berbagai2 perkara mengenai kemajuan Pergerakan Pengakap di-Daerah Brunei telah di-bahath dan di-luluskan dalam persidangan tersebut.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang di-lantik dalam Mashuarat Agong tersebut adalah seperti berikut:

*Pengerusi:* Awang Wally Skinner. *Naib Pengerusi:* Awang Zain Ariff.

*Setia Usaha:* Awang V. A. George. *Penolong Setia Usaha:* Awang N. M. Mathew. *Penyimpan Wang:* Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Haji Mohamed Yusof.

*Jawatan Kuasa:* 1. Awang Abdi Manaf. 2. Awang Ampuan Yusof bin Ampuan Daud. 3. Awang Taib bin Haji Mohamed Said. 4. Awang Shahrani bin Othman. 5. Awang Metamit Iradat. 6. Awang Mohamed Hussain Zainal. 7. Awang Yeh Cheng Hua. 8. Awangku Abdul Hamid bin Pengiran Abbas. 9. Awang Mazlan bin Abdullah. 10. Awangku Radin bin Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed. 11. Awang Sharbini Taha.

*Ahli2 Jawatan Kuasa Atas Nama Jawatan:* 1. Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei. 2. Awang Shahbudin bin Saleh, Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei. 3. Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad, Pesuruh Jaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei dan 4. Awang Yahya bin Mohamed Yusof, Pesuruh Jaya Latehan Pengakap Negeri Brunei.

## PUTERA<sup>2</sup> DI-RAJA BRUNEI BERLATEH DI-YAYASAN TENTERA DI-RAJA SANDHURST

LONDON. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkihah, Putera Sulong Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, serta Adinda-nya, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah telah masuk berlateh di-Yayasan Tentera Diraja Sandhurst, England dalam bulan Januari tahun 1966. Kursus itu akan mengambil masa selama dua tahun.

Yayasan Tentera Diraja yang termashor itu ada-lah terletak berdekatan dengan Camberley, Surrey, kira2 empat puluh batu jauh-nya dari Barat Daya London.

Yayasan itu ada-lah di-bahagikan kepada Maktab yang di-gelar Maktab2 Lama, Baru dan Kemenangan. Tiap2 buah Maktab itu ada-lah mempunyai empat pasokan. Semua-nya mengandongi nama Peperangan2 British yang termashor. Maktab Lama itu ada-lah mengandongi nama Peperangan yang mashor di-abad2 yang lalu. Maktab Baru itu ada-lah mengandongi nama Peperangan2 yang mashor dalam masa Peperangan Dunia Pertama. Maktab Kemenangan itu pula, ada-lah mengandongi nama Peperangan2 yang mashor dalam Peperangan Dunia Kedua.

Pada masa ketibaan di-Yayasan tersebut, Kadet2 ada-lah di-tempatkan pada pasokan2 tersebut. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah masuk berkhidmat dalam Pasokan Rhine, Maktab Kemenangan.

Kadet2 baru di-terima berkhidmat dalam Yayasan tersebut dua kali sa-tahun, ia-itu dalam bulan September dan dalam bulan Januari sa-lepas di-adakan Perbarisan Tamat Latehan yang di-kenali sebagai Perbarisan Diraja dalam bulan Julai dan Disember. Kursus selama dua tahun itu ada-lah di-

bagikan kepada enam penggal, ia-itu satu penggal mengambil masa selama 14 minggu. Penggal yang pertama dan yang terakhir ada-lah mengandongi latehan ketenteraan sa-chara praktik, manakala penggal kedua hingga ka-lima ada-lah diutamakan untuk latehan dalam pelajaran2 akademik dan tawarikh ketenteraan.

Setiap orang yang telah tamat berlateh di-Sandhurst akan bersetuju bahawa penggal pertama ia-lah yang susah sekali, terutama sekali apabila musim-nya ia-lah musim sejuk, sebagaimana yang di-hadapi oleh Putera2 Diraja Brunei itu.

Pada masa penggal ini-lah, Kadet2 baru berlateh itu mesti menyesuaikan diri masing2 dalam kehidupan sebagai Pegawai2 Tentera. Untuk memperolehi maksud ini, ranchangan pelajaran sa-tiap hari ada-lah mengandongi latehan berbaris, berkawa'at, menggunakan senjata dan berbagai2 jenis latehan yang berkehendakkan Kadet2 itu berlateh dalam hawa yang sejuk di-waktu malam dalam Kawasan Latehan itu.

Sungguh pun kedua2 orang Putera2 Diraja Brunei itu mendapati latehan itu agak sukar akan tetapi Putera2 Diraja itu telah dapat mengatasi segala2 latehan itu, dengan memperolehi kejayaan yang gilang gemilang.

Pada awal tahun 1968 nanti, kedua2 orang Putera2 Diraja tersebut akan tamat berlateh sebagai Pegawai2 Muda yang chukup terlateh dengan memperolehi satu daripada latehan2 ketenteraan yang terbaik sekali.

## MAJALLAH PELADANG DI-TERBITKAN HARI INI

BANDAR BRUNEI. — Badan Penerangan Bahagian Jabatan Pertanian Negara, Brunei akan menerbitkan "Majallah Peladang" pada hari ini. Pengarang dan Penyusun Majallah ini ia-lah Awang Suhaimi Haji Ismail, Pembantu Pertanian Kanan yang juga menjadi Pegawai Penerangan Bahagian Pertanian, Brunei.

Majallah ini. akan di-berikan dengan perchuma, khas-nya kepada peladang2 di-seluruh Negeri Brunei dan akan di-terbitkan tiga bulan sa-kali.

Beberapa renchana mengenai hal ehwal pendidekan, pengetahuan, panduan, perusahaan ternakan dan berbagai2 hal ehwal yang bersangkutan paut dengan pertanian serta nasehat2 yang berfaedah untuk peladang2 dan gambar2 ada-lah terkandung dalam majallah ini.

Sebagai mengalu2kan penerbitan "Majallah Peladang" ini, Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh berkata bahawa beliau berharap "Majallah Peladang" ini akan membawa chahaya yang gemerlapan, chahaya yang tidak akan kunjung muram — chahaya yang kita harap2kan akan dapat menyinari mendong gelap yang tebal menyelubungi di-masyarakat kita dalam bidang pertanian.

Yang Berhormat Pengiran Damit telah menguchapkan tahniah kepada Pegawai Pertanian Negara Brunei. Awang Hamidoo bin Awang Damit, kepada Awang Suhaimi Haji Ismail serta juga menguchapkan terima kaseh terhadap kerjasama semua pegawai2 di-Jabatan Pertanian Negeri Brunei yang telah berusaha menerbitkan Majallah Peladang tersebut.

## PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAN SHARAHAN SEKOLAH2 UGAMA DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Peraduan Membacha Al-Koran dan Sharahan anjoran Jabatan Uagama Daerah Belait akan di-langsungkan pada 7 Mei mulai jam 7 malam bertempat di-Masjid Mohamed Jamalul 'Alam, Kuala Belait.

26 orang peserta dari 9 buah Sekolah2 Uagama akan mengambil bahagian dalam peraduan tersebut. 18 orang daripada mereka akan mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Al-Koran dan 8 orang dalam Peraduan Sharahan.

Ini-lah kali yang ketiga di-adakan Peraduan Membacha Al-Koran dan Sharahan bagi Sekolah2 Uagama di-Daerah Belait.

## D.Y.M.M. RAJA ISTERI BERCHEMAR DULI KA-PERJUMPAAN PANDU2 PUTERI

(Dari Muka 1)

lah pertama kali mereka mengadakan perjumpaan sa-demi-kan.

Pengerusi Persatuan Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsan telah memereksa Barisan Kehormatan dan perbarisan Pandu2 Puteri dan Browni serta juga menyampaikan Surat2 Tauliah dan hadiah2 kepada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan yang telah di-jalankan.

Berbagai2 achara2 telah di-pertunjokkan di-temasha tersebut oleh Pasokan2 Pandu2 Puteri, Browni, Pengakap2 dan Pasokan Palang Merah.

Pancharagam Pulis Diraja Brunei, di-bawah pimpinan Pengarah Musik Awang Crowhurst telah bermain di-temasha itu.

Temasha tersebut di-akhiri dengan satu temasha "Unggun Api" di-mana ramai Pandu2 Puteri, Browni dan Pengakap2 telah mempersembahkan berbagai2 achara.

## LATEHAN MENEMBAK

BANDAR BRUNEI—Pelaut2 ada-lah di-beri amaran bahawa latehan menembak akan di-jalankan di-Padang Tembak Perkhemahan Berakas pada hari Juma'at 6 Mei dan hari Thalatha 10 Mei 1966 di-antara pukul 9-00 pagi dan 12-00 tengah hari waktu tampatan.

## SOKAN TAHUNAN M.P.M.B.

BERAKAS. — Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mengadakan temasha Sokan Tahunan-nya Kali Yang Kadelapan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei pada hari Thalatha 10 Mei, 1966 mulai jam 1-30 petang.

Di-antara perlumbaan2 yang akan di-adakan di-temasha sokan tersebut ia-lah Lumba Lari 200 meter terbuka kepada penuntut2 tua. Maktab Perguruan Melayu Brunei dan satu perlumbaan khas untuk Pegawai2 temasha sokan itu.

## PEMBUKAAN RASMI SEKOLAH DEWASA UGAMA SENUKOH

KAMPONG SENUKOH. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin di-jangka merasmikan pembukaan Sekolah dan Kelas Dewasa Uagama Kampong Senukoh, Daerah Temburong pada petang hari Sabtu 7 Mei, 1966.